



## Sarawak sasar jadi pengeksporth makanan

Mohd Roji Kawi

November 23, 2022 @ 1:13pm

Kuching: Peningkatan hasil pertanian menjadi fokus utama Sarawak dalam Strategi Pembangunan Pasca Covid-19 2030 (PCDS 2030).

Timbalan Menteri Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah Sarawak, Datuk Dr Abdul Rahman Ismail berkata, langkah itu diambil bagi mencapai matlamat menjadikan Sarawak sebagai pengeksporth makanan menjelang tahun 2030.

Beliau berkata, pembangunan pertanian itu perlu bagi mengurangkan kebergantungan kepada makanan import sekali gus mengurangkan defisit dalam imbalan dagangan bahan makanan.

"Pada 2017, jumlah eksport bahan makanan Sarawak adalah sebanyak RM1.02 bilion berbanding import yang berjumlah RM4.61 bilion menyebabkan Sarawak mengalami defisit sebanyak RM3.59 bilion.

"Peningkatan defisit semakin banyak iaitu 29.8 peratus dalam tempoh lima tahun apabila nilai eksport pada 2021 hanya berjumlah RM1.11 bilion manakala import pula sebanyak RM5.77 bilion menjadikan defisit sebanyak RM4.66 bilion," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan Rolland Duat Jubin (GPS-Meluan) pada persidangan Dewan Undangan Negeri (Dun) Sarawak, hari ini.

Dr Abdul Rahman berkata, kementeriannya mengambil beberapa langkah untuk merealisasikan matlamat menjadikan Sarawak sebagai pengeksporth bahan makanan.

"Antara langkah itu ialah memberi fokus kepada pengeluaran produk agro makanan bernilai tinggi dan berskala komersil dan meningkatkan pembabitan sektor swasta.

"Kita juga berusaha meningkatkan penyelidikan, pembangunan, inovasi, penggunaan teknologi dan digital sepanjang rantaian nilai pengeluaran serta membangunkan infrastruktur pertanian dan mengembangkan kawasan pengeluaran agro makanan," katanya.

Bagi memastikan sektor pertanian dipertingkatkan, Belanjawan Sarawak 2023 turut memperuntukkan sejumlah RM509 juta bagi melaksanakan pelbagai projek pertanian, tahun depan.